

✱ 81- Pengetahuan tentang apa-apa yang mubham (samar di dalam al-Qur'an) terhenti di atas nukilan semata-mata, tiada langsung ruang pemikiran (/ qias) dalam menentukannya.	عِلْمُ الْمُبْهَمَاتِ مُوقُوفٌ عَلَى النَّقْلِ الْمَحْضِ، وَلَا مَجَالَ لِلرَّأْيِ فِيهِ.	قاعدة ٨١ # SELESA 4/4/23
---	--	-----------------------------------

Keterangan:

Apa-apa yang tersebut secara mubham atau samar di dalam al-Qur'an hanya dapat diketahui dengan pasti maksudnya melalui al-Qur'an juga, sama ada di tempat yang sama atau di tempat-tempat lain, atau melalui sunnah serta kata-kata sahabat. Kerana para sahabat itu masih ada ketika al-Qur'an diturunkan, merekalah yang paling mengetahui tentang sebab turunnya sesuatu ayat.

Dalam keadaan ada riwayat Israiliyyat yang menjelaskan maksudnya tetapi ia tidak disahkan oleh riwayat yang sahih daripada nabi s.a.w. pula sikap tawaqquf (menahan diri daripada mengiaknya atau manafikannya) perlulah dipilih.

Antara contoh bagi qaedah ini ialah:

(1)

مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ①

Bermaksud: Yang Menguasai pemerintahan di hari Pembalasan (hari Akhirat). (al-Fātihah:4).

Hari pembalasan yang tersebut di dalam ayat ini sebenarnya masih samar kalau dilihat kepada ayat ini semata-mata, tetapi penjelasan tentangnya terdapat di dalam ayat 17 hingga 19 Surah al-Infithār. Lihat ayat-ayat berkenaan di bawah ini:

وَمَا أَدْرَاكَ مَا يَوْمُ الدِّينِ ② ثُمَّ مَا أَدْرَاكَ مَا يَوْمُ الدِّينِ ③ يَوْمَ لَا تَمْلِكُ نَفْسٌ لِنَفْسٍ شَيْئًا ④ وَالْأَمْرُ يَوْمَئِذٍ لِلَّهِ ⑤

Bermaksud: Tahukah kamu apakah hari pembalasan itu? (17)

Sekali lagi, tahukah kamu apakah hari pembalasan itu? (18)

(Hari itu ialah) hari seseorang tidak dapat memberikan pertolongan sedikitpun kepada orang lain, dan segala urusan pada hari itu dalam kekuasaan Allah. (19). (al-Infithār:17-19).

(2)

أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى ①

Bermaksud: Kerana dia didatangi orang buta. ('Abasa:2).

Orang buta yang tersebut di dalam ayat ini tidak disebutkan namanya dengan terang, kerana itu ia mubham dan samar. "Dia" yang tersebut di dalamnya juga mubham dan samar, tidak jelas siapa yang dimaksudkan dengan "dia" itu?

Hadits Rasulullah s.a.w. bagaimanapun menjelaskan kedua-duanya. Orang buta yang dimaksudkan di dalam ayat itu ialah sahabat Rasulullah s.a.w. 'Abdullah bin Ummi Maktūm dan yang dimaksudkan dengan "dia" pula adalah Rasulullah s.a.w. sendiri.

(3)

وَأَخْرَوْا مُرْجُونَ لِأَمْرِ اللَّهِ إِمَّا يُعَذِّبُهُمْ وَإِمَّا يَتُوبُ عَلَيْهِمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ②

Bermaksud: Dan segolongan yang lain (dari orang-orang yang tidak turut berperang); ditempohkan keputusan mengenai mereka kerana menunggu perintah Allah; sama ada Dia mengazabkan mereka ataupun Dia menerima taubat mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (at-Taubah:106).

Segolongan orang yang tidak turut berperang dan ditempohkan keputusan mengenai mereka seperti tersebut di dalam ayat ini masih mubham dan samar. Tidak diketahui siapa nama mereka dan berapa orangkah mereka? Tetapi riwayat-riwayat sahih daripada para sahabat menyatakan bahawa mereka tiga orang semuanya, iaitu Murarah bin Rabī', Ka'ab bin Malik dan Hilal bin Umayyah.

(4)

فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ نَاقَةَ اللَّهِ وَسُقْيَاهَا ③

Bermaksud: Maka berkatalah Rasul Allah (Nabi Shaleh) kepada mereka: "(Janganlah kamu ganggu) unta betina dari Allah itu, dan (janganlah kamu menyekatnya daripada mendapat) air minumnya (supaya kamu tidak ditimpa azab)!" (as-Syams:13).

Rasul Allah yang tersebut di dalam ayat ini mubham dan samar, tidak disebut dengan jelas namanya,

tetapi di dalam Surah al-Arāf namanya disebutkan dengan jelas, dia adalah Nabi Shaleh a.s. Lihat ayat berkenaan di bawah ini:

فَعَقَرُوا النَّاقَةَ وَعَتَوْا عَنْ أَمْرِ رَبِّهِمْ وَقَالُوا يُصْلِحُ أَثْنَانَا بِمَا تَعِدُنَا إِنْ كُنْتَ مِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٧٧﴾

Bermaksud: Maka mereka pun menyembelih unta betina itu, dan mereka menderhaka terhadap perintah Tuhan, sambil berkata: “Hai Shaleh! Datangkanlah azab yang engkau telah janjikan kepada kami, jika betul engkau termasuk (dalam) orang-orang yang diutus (Allah)”. (al-A`rāf:77).